

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci daripada 1,346 buah rumah kekal baru yang dijanjikan akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan untuk mangsa-mangsa banjir di Kelantan, berapa buah rumah yang sudah siap dibina, berapa yang sedang dibina dan berapa yang belum dibina lagi setakat ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi negeri Kelantan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan telah mengenalpasti 1,827 unit Rumah Kekal Baru yang perlu dibina untuk mangsa-mangsa banjir. Dari jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masing-masing akan membina 1,255 unit dan 572 unit Rumah Kekal Baru. Sehingga 1 Jun 2015, sebanyak 11 unit Rumah Kekal Baru yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Pada masa yang sama, sebanyak 206 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 228 unit lagi dalam peringkat pra-pembinaan.

Sekian. Terima kasih.